

# Melayu Raya

## *Malay Raya*

**Ishak Saat**

Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak  
email: ishakhj@fsk.upsi.edu.my

### **Abstrak**

Lepas Perang Dunia II bangsa Melayu mula memikirkan bagaimana untuk bersatu dan mengembalikan kegemilangan rumpun Melayu di Nusantara. Melalui konsep Melayu Raya mereka berusaha menyatukan kembali rumpun bangsa Melayu seperti sebelum era penjajahan. Era penjajahan memperlihatkan gugusan kepulauan Melayu berjaya dipisahkan menjadi beberapa entiti yang terasing. Pejuang politik di Kepulauan Melayu berusaha untuk menyatukan rumpun Melayu dengan cara yang tersendiri. Ibrahim Yaakub, Burhanuddin Al Helmy, Ahmad Boestamam dan Ishak Hj Muhammad mewakili Tanah Melayu manakala Sukarno dan Hatta mewakili Indonesia berkongsi matlamat yang sama. Lantaran itu, makalah ini cuba menyingkap konsep Melayu Raya dengan merujuk dokumen sejarah dan sumber lisan dalam kalangan orang yang pernah terlibat dalam perjuangan serumpun untuk memerdekakan Malaya dari terus dijajah British.

**Kata Kunci** Melayu, Melayu Raya, Burhanuddin Al Helmy, Parti Kebangsaan Melayu Raya, Merdeka

### **Abstract**

*Post World War II, the Malays began to figure out how to come together and restore the integrity of the Malay archipelago. Through the Malay Raya struggle they strive to reunite the Malay race as before the colonial era. Colonial era saw the Malay archipelago successfully separated into a number of separate entities. The partisan politics in the Malay Archipelago seek to unite a Malay in a distinctive way. Ibrahim Yaakub, Burhanuddin Al Helmy, Ahmad Ishak Haji Muhammad Boestamam represent Malaya and Indonesia's Sukarno and Hatta share the same goal. Therefore, this paper tries to expose the struggle-Malay/Indonesia Raya with reference documents and sources of oral history among the people who have been involved in the struggle for the country's independence from Western colonialism.*

**Keywords** Malay, Malay Raya, Burhanuddin Al Helmy, the Malay Nationalist Party Raya, Merdeka

## **PENGENALAN**

Kepulauan Melayu dilihat besar tapi terpisah kerana impak dari penguasaan politik penjajah Barat. Pemisahan ini secara sedar ataupun tidak sedar telah membelakangkan budaya tradisi serumpun sebagai sebuah negara bangsa yang dikenali sebagai Melayu Nusantara. Walaupun sejarah Nusantara ini memperlihatkan silih bergantian penguasanya seperti Langkasuka, Srivijaya, Majapahit, Mataram, Melaka, Aceh dan Johor-Riau. Namun semuanya menjadi tinggalan sejarah apabila era penjajahan Barat melanda Kepulauan Melayu Nusantara.

## PENGERTIAN MELAYU

Melayu boleh didefinisikan sebagai suatu bangsa dan bahasa (*Kamus Dewan*, 1993: 874). Kata Malaya merupakan kependekan dari *hima alaya*, yang menurut kebiasaan himalaya yang membawa pengertian tempat salju (*hima*; salju, *alaya*: tempat). Kata Malaya dan Malayu bermaksud dataran tinggi, gunung atau pergunungan dan penduduk dari dataran tinggi atau penduduk pergunungan yang sering dikaitkan dengan kata Malaya yang bererti pergi ke mana-mana, mengembara dan berkelana (Zuber Usman, 1977: 3). Dari sudut antropologi, sekarang ini Melayu dianggap sebagai salah satu kelompok manusia yang tergolong dalam kelompok manusia yang disebut sebagai ras Mongoloid, cabang Selatan (Peter Bellwood, 1985: 1). Namun demikian, tidak semua ahli antropologi bersetuju bahawa orang Melayu tergolong kepada kelompok Mongoloid. Ini kerana, sejak lama orang Melayu merupakan kelompok yang sudah menetap secara berasingan. Tambahan pula kebanyakan daripada mereka bukan memiliki kulit yang kuning. Sarjana Barat, C. S. Coon mengulas tentang percampuran kulit orang Melayu:

*‘These people are mostly short, with a mean stature for males between 157-160 centimeters; of medium built, yellowish or browned skinned; mostly straight haired, and with features of general mongoloid cast, but excessive facial flatness. Among them the Mongolian eyes fold is rare. Like the Australoids, many of them have large teeth. They represent more or less stable mixture between Mongoloid and Australoid elements, with local variations.’*

(C.S. Coon, 1966: 181)

Oleh itu, dapatlah dirumuskan bahawa definisi Melayu secara khusus belum lagi ditemui. Namun apabila membicarakan istilah ‘Melayu’ ia membawa maksud satu rumpun bangsa yang terdapat di Nusantara. Istilah Melayu itu merujuk kepada satu bangsa yang terdapat di Tanah Melayu dan istilah kemelayuan pula membawa maksud satu rumpun bangsa yang mengamalkan unsur tradisi dan adat istiadat tersendiri. Merujuk tulisan R. O. Winstedt, beliau mentafsirkan bahawa bangsa Melayu merangkumi keseluruhan orang Melayu yang tergolong dalam gagasan Malayo-Polynesian. Secara tepat melibatkan penghuni kawasan geografi iaitu Burma, Kemboja, Kepulauan Indonesia, Malaysia dan kepulauan Polynesia sehingga ke Hawaii (R. Winstedt, 1981: 4). Pendapat ini dipersetujui oleh sarjana tempatan, Ismail Hussain yang menggariskan sempadan dunia Melayu yang di benua, iaitu dari Utara, dahulunya merangkumi Selatan Vietnam dan Kemboja serta juga keseluruhan Selatan Segenting Kra hinggalah ke daerah Selatan Burma. Kemudian dunia Melayu yang di Selatan pula termasuklah Borneo, Indonesia, Brunei dan Filipina (Ismail Hussein, 1997: 14). Tambah beliau lagi Melayu itu bukan sekadar merangkumi satu etnik dan hubungan pertalian darah semata-mata tetapi lebih kepada penekanan satu kebudayaan dan kebudayaan itu berteraskan kepada satu bahasa iaitu Bahasa Melayu. Oleh itu, orang Melayu berhak mentafsirkan Nusantara atau Kepulauan Melayu sebagai tempat tumpah darahnya. Ini merangkumi dua bahagian besar, iaitu bahagian Kepulauan Melayu dan bahagian Tanah Besar. Bahagian Kepulauan Melayu antaranya Sulawesi, Borneo, Kalimantan, Jawa, Sumatera, Filipina Selatan dan termasuk Tanah Melayu.

Justeru itu, penulis berpendapat orang Melayu merupakan penduduk asal Nusantara dengan kata lain ‘*son of the soil*’. *Son of the Soil* membawa maksud peribumi asal. Lantaran itu bangsa Melayu merupakan peribumi asal di Nusantara/Kepulauan Melayu sama seperti kedudukan orang Cina di negara China dan juga orang India di negara India. Kalau kita pergi lebih jauh lagi maka samalah kedudukan orang Inggeris di Britain dan orang Irish di Kepulauan Ireland. Orang Arab di bumi Arab/Timur Tengah. Fakta sejarah ini tidak boleh disangkal oleh sesiapa pun. Tetapi fakta sejarah ini menuntut semua bangsa menghormati sejarah sesuatu bangsa itu. Bangsa Melayu perlu sedar dan sentiasa bersedia untuk menuntut hak mereka sebagai peribumi asal yang mesti dijaga dan diperjuangkan (ZulkifliMahmud, 1979: 33-34).

Era penjajahan memperlihatkan bangsa Melayu serumpun ini menjadi mangsa dasar pecah perintah oleh penjajah British dan Belanda. Melalui Perjanjian Inggeris Belanda tahun 1824 yang juga dikenali dengan nama Perjanjian London atau Perjanjian Netherland membawa impak yang cukup besar kepada bangsa serumpun ini, terpisah dan terasing sehinggakan tiada pertalian. Semakin lama semakin jauh lebih-lebih lagi generasi terkemudian yang tidak lagi membudayakan budaya tradisi bangsa Melayu

yang agung dan istimewa. Kesan dari pemisahan ini akhirnya bangsa Melayu terpaksa mengharungi perjuangan membela tanah air mereka secara terpisah dan terasing. Agak ketara selepas Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua, perjuangan kemerdekaan menjadi agenda utama negeri-negeri Melayu di Nusantara. Indonesia menjadi salah satu ikon perjuangan mereka yang serumpun dan sebangsa.

## KONSEP MELAYU RAYA

Dr. Burhanuddin Al Helmy dalam *Pejuangan Kita* dan *Falsafah Kebangsaan Melayu* menjelaskan secara terperinci arus pemikiran yang ingin diterapkan di dalam masyarakat Melayu. Beliau berpendapat bahawa Tanah Melayu hanya akan menjadi kuat dan mantap melalui kesatuan bangsa Melayu di Kepulauan Melayu yang lebih dikenali dengan panggilan Melayu Raya. Beliau mendakwa bahawa perpecahan dan penggugatan perpaduan bangsa Melayu ini berjaya dilaksanakan dengan kedatangan para imperialis Barat. Kedatangan para imperialis dengan penguasaan wilayah di Kepulauan Melayu berjaya memecahkan kekuatan Melayu Raya. Tegus beliau:

Dalam masa berpuluh tahun dan beratus tahun dalam keadaan begitu sempadan-sempadan koloni menyekat perhubungan di antara Melayu Raya bertambah renggang dan menyebabkan lupa dan terbiar. Perasaan bertempat-tempat dan bernegeri-negeri itu makin bertambah melarat dan besar pertalian dengan saudara sebaka di seberang pula beransur-ansur renggang tambahan dengan beberapa nodaan yang mendesak.

(Burhanuddin al Helmy, 1946: 7)

Lantaran itu perjuangan berteraskan falsafah Melayu Raya menjadi pegangan bukan sahaja bagi beliau tetapi menjadi pegangan para pengikutnya melalui Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Kemudian beliau sekali lagi mengulangi pendirian dan pegangannya berkaitan dengan perjuangan Melayu Raya dengan mendakwa bahawa Gugusan Kepulauan Melayu dari segi geografinya adalah sebuah gugusan Melayu Raya sejak zaman berzaman lagi. Ketegasan ini dinyatakan 8 tahun kemudian:

Kawasan Alam Melayu itu luas. Jika kita berdasarkan ilmu Geography dan Geopolitic yang telah disuratkan orang-orang dari semenjak orang-orang Eropah mengenali alam kita ini. Adalah sudah takrif-takrif mereka memperkenalkan dan membezakan keturunan Melayu (*Malay race*), dan negeri-negeri – kawasan – Alam Melayu itu dengan nama-nama yang tertentu: seperti Kepulauan Melayu (*Malay Archipelago*), (Malaysia, Indo-nesia-asia, atau Indonesia) dan lain-lain nama lagi.

(Burhanuddin al Helmy, 1954: 21)

Kefahaman ini berjaya diterapkan kepada semua ahli PKMM dan penyokong mereka. Lantaran itu mereka tidak pernah berputus asa dalam perjuangan mendaulatkan falsafah perjuangan Melayu Raya.

## PERJUANGAN MELAYU RAYA

Penyuaraan secara kolektif rasa tidak puas hati orang Melayu terhadap kedudukan sosio-ekonomi dan politik mereka adalah menerusi Kesatuan Melayu Muda (KMM) yang ditubuhkan pada tahun 1938, yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakub (IBHY), seorang guru lulusan *Sultan Idris Training College (SITC)*. Kemudian nada yang sama turut dikumandangkan oleh golongan berpendidikan agama terutama dari institusi pengajian agama dari Maahad Il Ihya As-Syarif, Gunong Semanggol, Perak. Walaupun usia KMM tidak panjang kerana diharamkan oleh British dan juga Jepun kerana dicop sebagai golongan radikal. Lantaran itu, para pendukung KMM terpaksa memikirkan strategi baru untuk meneruskan perjuangan. Mereka menubuhkan pertubuhan politik baru seperti Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) pada bulan Julai 1945 yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakub, Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Onan Siraj. Pada zaman Jepun pendekatan kerjasama dilakukan demi untuk memastikan perjuangan politik KRIS tidak menerima nasib yang sama dengan KMM sebelum itu. KRIS kemudian bertindak mengadakan kerjasama dengan Parti Nasional Indonesia (PNI) pimpinan Sukarno untuk merealisasikan

hasrat kemerdekaan melalui konsep satu rumpun bangsa. Dakwaan ini boleh dilihat melalui peristiwa pertemuan sulit para pemimpin Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS) yang diadakan di Taiping, Perak pada 13 Ogos 1945 bagi membincangkan tentang kemerdekaan Tanah Melayu dengan Indonesia di bawah konsep *Melayu Raya* (Zulkifli Mahmud, 1979: 131). Antara tokoh politik Melayu yang menghadiri pertemuan sulit tersebut ialah Ibrahim Haji Yaakub, Dr. Burhanuddin Al Helmy dan Onan Siraj yang mewakili KRIS dengan Sukarno dan Hatta yang mewakili Indonesia. KRIS merupakan pertubuhan politik yang pertama bagi bangsa Melayu yang memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu secara terbuka (Hambali Abd. Latif, 1995: 8). Tindakan ini dilakukan kerana perjuangan KRIS mendapat restu penjajah Jepun waktu itu melalui slogan “*Asia Untuk Asia*”. Penghujung tahun 1944 dan awal tahun 1945 memperlihatkan kedudukan Jepun mulai lemah kerana serangan bertubi-tubi Pihak Berikat dan juga pengguguran bom atom yang menghancurleburkan bandar raya Hiroshima dan Nagasaki. Lantaran suasana yang tidak menentu itu, satu rundingan diadakan antara tokoh politik Melayu di Tanah Melayu dan Indonesia dalam usaha untuk mengambil alih pemerintahan negara apabila Jepun menyerah kalah dan sebelum British kembali semula menguasai Tanah Melayu. Ia merupakan satu tindakan berani golongan politik Melayu yang dilabelkan radikal dalam usaha untuk memerdekakan Tanah Melayu. Namun usaha ini terbantut apabila Sukarno dan Hatta hanya mengisytiharkan kemerdekaan Indonesia pada tahun 1945 tanpa memasukkankan Semenanjung Tanah Melayu (Buyong Adil, 1985: 249).

Di Indonesia, berlaku dua kali deklarasi kemerdekaan iaitu pada tahun 1945 yang dilakukan oleh Sukarno dengan restu Jepun dan kemudian pada 27 Disember 1949, penjajah Belanda secara rasmi pula menyerahkan kedaulatan dan memberikan kemerdekaan kepada rakyat Indonesia di bawah kepimpinan Presiden Sukarno dan Timbalan Presiden Drs. Mohammad Hatta. Peristiwa ini sekali lagi membangkitkan semangat menuntut kemerdekaan golongan radikal Melayu di Tanah Melayu. Impak daripada kemerdekaan sebenar tanah seberang ini, membuatkan seluruh rakyat Indonesia dan keturunan Indonesia di Tanah Melayu menyambutnya dengan penuh rasa gembira. Di Kuala Kangsar sambutan besar-besaran diadakan pada tahun 1949. Persetujuan pelbagai pihak untuk menghadiri perayaan besar-besaran tersebut membuatkan pihak British merasa terancam. Tiga hari sebelum sambutan itu diadakan, tokoh pemidato utama yang akan menyemarakkan semangat kemerdekaan dalam sambutan tersebut, ditangkap dan ditahan di penjara Pulau Jerjak. Beliau ialah Abdul Hadi Noor, Presiden Persatuan Indonesia Merdeka (PIM) (Bachtiar Djamily, 1994: 108-109). Penangkapan ini benar-benar memeranjatkan seluruh masyarakat Melayu berketurunan Indonesia di Tanah Melayu. Namun tindakan penangkapan tokoh tersebut belum mampu meredakan keadaan.

Kegagalan mencapai kemerdekaan bersama Indonesia membawa para pejuang tersebut merancang gerakan dan strategi selanjutnya demi untuk mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu. Mereka menubuhkan Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) yang dipimpin oleh Mokhtarudin Lasso, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Ishak Haji Muhammad dan Ahmad Boestamam. Parti politik ini ditubuhkan di Ipoh, Perak pada 17 Oktober 1945. Dalam persidangan kongres PKMM pertama yang berlangsung di Ipoh pada 30 November hingga 3 Disember 1945 memutuskan 8 resolusi penting bangsa Melayu, iaitu:

1. Mempersatukan bangsa Malaya, menanamkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya.
2. Bertujuan mencapai hak kemerdekaan berpidato, bergerak, bersidang, berfikir dan menuntut pelajaran.
3. Membangkitkan kedudukan iktisad bangsa Melayu dengan jelas, memajukan perusahan, perniagaan dan pertanian serta taraf penghidupan bangsa Melayu.
4. Mencapai kebebasan bercucuk tanam. Orang yang hendak bercucuk tanam itu dibebaskan membayar sewa tanah pada bila-bila masa dan di mana juga dan dibebaskan pula menjual hasil usahanya itu di pasar perniagaan.
5. Menghendaki diberi kebebasan penuh kepada orang Melayu mendirikan sekolah kebangsaan mereka, iaitu tempat mereka dapat belajar dengan bahasanya dengan percuma.
6. Menghendakkan kebebasan mencetak buku sendiri, menggalakkan pelajaran secara demokrasi, supaya meninggikan kedudukan bangsa Melayu dalam siasah untuk mendakyahkan rasa kebangsaan kepada orang Melayu.

7. PKMM hendak bekerjasama dengan bangsa-bangsa lain yang tinggal dalam negeri ini, hidup terbaik-baik dan bekerja untuk perpaduan penduduk Malaya (*Malayan United Front*) bagi menjadikan Malaya Merdeka makmur dan berbahagia sebagai satu anggota Republik Indonesia.
8. Menyokong umat Indonesia dalam perjuangan mereka merebut kemerdekaan. (UMNO/SG.No. 96/1946)

Ini merupakan satu usaha berani PKMM dalam perjuangan politik bangsa Melayu, menyatakan tuntutan dan menyuarakan pembelaan terhadap nasib bangsa sendiri kepada penjajah British. Walaupun pada awal penubuhan PKMM terdapat unsur dan usaha yang cuba menyelewengkan perjuangan bangsa Melayu dengan menyerapkan fahaman komunisme, namun kecekapan dan kepantasan tokoh politik radikal Melayu yang berjiwa kebangsaan dan Islam berjaya melakukan pembersihan terhadap aliran komunisme dalam PKMM.

PKMM cuba diresapi oleh beberapa tokoh pendukung aliran komunisme yang ketika itu menular dalam kalangan bangsa Melayu, antara mereka waktu itu ialah Mokhtarudin Lasso, Arshad Ashaari, Abdullah CD, Rashid Maidin dan Musa Ahmad (Ahmad Boestamam, 1972: 68). Namun oleh kerana perjuangan yang berasaskan ideologi komunisme ini sukar mendapat tempat maka usaha untuk menzahirkan perjuangan berasaskan komunisme menemui jalan buntu. Unsur penyelewengan akidah waktu itu ditentang habis-habisan oleh bangsa Melayu kerana ia merupakan isu sensitif yang perlu ditentang, demi mempertahankan kesucian Islam di Alam Melayu (Mohd. Isa Othman, 2002: 309-310). Kehadiran tokoh politik radikal Melayu seperti Dr. Burhanuddin, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, Abu Bakar Al Baqir dan Baharuddin Latif berjaya mengawal keadaan dari terjebak dengan unsur komunis. Di awal penubuhan PKMM usaha untuk menzahirkan perjuangan komunis dilakukan oleh Mokhtarudin Lasso dan pengikutnya tetapi tidak berjaya. Dakwaan ini dapat dibuktikan melalui penamaan parti politik Melayu yang pertama dengan nama Parti Sosialis Melayu. Usaha ini digagalkan oleh Ahmad Boestamam dan rakannya dengan mencadangkan nama Parti Kebangsaan Melayu Malaya. Kemudian daripada itu mereka tidak lagi menzahirkan secara nyata ideologi komunisme tetapi menyelinap masuk ke dalam perjuangan PKMM sehinggalah perjuangannya tersekat, setelah pengenalan Akta Darurat 1948 dan penangkapan ramai tokoh PKMM. Ekoran daripada perlaksanaan akta tersebut mereka akhirnya menzahirkan perjuangan berasaskan komunisme melalui Rejimen ke-10 PKM setelah perjuangan berlandaskan undang-undang tidak lagi diizinkan.

Menurut Ishak Haji Muhammad, mereka menubuhkan PKMM demi menyahut cabaran dan memenuhi tuntutan perjuangan membela bangsa Melayu yang ketinggalan dalam semua lapangan kehidupan. Malah penguasaan penjajah dan imigran asing khususnya dalam bidang politik dan ekonomi di Tanah Melayu menyebabkan bangsa Melayu menjadi mundur serta ketinggalan. Beliau menegaskan lagi bahawa perjuangan PKMM selaras dengan salah satu matlamat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di bawah peruntukan Piagam Hak-Hak Asasi Manusia. Piagam ini menjamin hak manusia yang dijajah untuk menuntut kemerdekaan, atau sekurang-kurangnya berkerajaan sendiri, kebebasan bagi semua manusia, tidak kira apa warna kulit, apa agama, hak bersuara, berkumpul, menubuhkan parti politik, menerbitkan suratkhbar, bebas daripada kelaparan, bebas daripada tangkapan dan tahanan tanpa melalui proses undang-undang dan kebebasan jasmani serta rohani (Ishak Hj Muhammad, 1997: 187 & 228). Berdasarkan semangat ini, PKMM ditubuhkan oleh anak-anak muda Melayu demi ingin melihat bangsa Melayu terbela dan setaraf dengan kaum lain di Tanah Melayu. Kehadiran PKMM kemudiannya disambut dengan penuh semangat oleh anak-anak muda Melayu yang berjiwa radikal dan dapat menggugat kedudukan kuasa penjajah British serta golongan aristokrat Melayu yang menyokong penjajah British.

PKMM pernah menggugat kedudukan UMNO di bawah kepimpinan Dato Onn Jaafar. Malah perjuangan berterusan tokoh politik radikal ini turut menggugat kedudukan UMNO di bawah kepimpinan Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj. PKMM begitu cenderung untuk memperjuangkan kemerdekaan dengan cara mewujudkan sebuah negara rumpun Melayu yang agung iaitu di bawah konsep *Melayu Raya*. Kehadiran PKMM dalam persada politik Tanah Melayu tidak direstui oleh pihak penjajah. Lantaran itu perjalanan PKMM mendapat laluan yang agak sukar. Ramai pemimpin PKMM terpaksa merengkok di dalam penjara di bawah peruntukan Akta Darurat 1948, atas tuduhan boleh mengancam keselamatan



negara. Namun situasi ini tidak mematahkan semangat perjuangan yang mereka miliki. Walaupun para pemimpin mereka ditangkap dan dipenjarakan, malah ditohmah oleh masyarakat, tetapi mereka lalui semua itu dengan hati yang tabah (Ibrahim Singgeh, 31 Disember 2002). Lantaran itu terdapat beberapa pemimpin PKMM dan juga Hizbul Muslimin meneruskan perjuangan mereka seperti Asri Haji Muda, Othman Hamzah, Ishak Raji dan Khidir Khatib. (Nabir Hj Abdullah, 1976: 202-210).

Perjuangan mereka ini berterusan sehingga ke akhir hayat. Walaupun mereka menyertai pertubuhan yang berlainan, namun cita-cita perjuangan mereka tidak pernah padam. Ia tumbuh subur sepanjang masa, sama ada semasa mereka dipenjara mahu pun setelah mereka dibebaskan. Dakwaan ini boleh dibuktikan melalui peranan tokoh seperti Dr. Burhanuddin Al Helmy, Ahmad Boestamam, Mustaza, Abdullah C.D., Musa Ahmad, Mustapha Hussein, Abdul Majid Salleh, Rashid Maidin, Zulkifli Muhammad, Hasan Adli, Abdul Rahman Rahim, Ibrahim Karim, Rashid Karim, Mohd. Yusof bin Ayob, dan Ibrahim Singgeh, tokoh politik radikal yang berjuang dalam PKMM. (Abdul Majid Salleh, 24 Ogos 2002). Semua mereka setelah bebas dari penjara terus aktif semula dalam perjuangan politik. Mereka menyertai pelbagai pertubuhan politik yang ada waktu itu seperti Parti Islam SeMalaysia (PAS), Parti Rakyat Malaya (PRM) dan Parti Buruh Malaya (PBM). Sesungguhnya masih banyak lagi lakaran sejarah yang tersirat belum tercatat sebagai sejarah dan boleh dibongkar bagi membuktikan kebenaran perjuangan mereka. Kajian lanjut mestilah dilakukan bagi menyingkap strategi British dalam menangani kebangkitan perjuangan golongan politik radikal Melayu ini.

Faktor keturunan amat penting kerana ia mempengaruhi jiwa mereka, dalam mencorakkan semangat perjuangan yang membara. Ekoran daripada penindasan dan kekejaman penjajah Belanda di Indonesia yang mengakibatkan penderitaan, kematian, kemiskinan, tangkapan, pemenjaraan dan pembunuhan membuat mereka yang berketurunan Indonesia amat membencikan penjajah. Setelah berhijrah, mereka dapati sikap penjajah British di Tanah Melayu tiada jauh bezanya dengan Belanda di Indonesia, lantaran itu bibit-bibit kebencian semakin subur dalam kalangan mereka. Faktor ini menyebabkan mereka mudah menjiwai perjuangan anti penjajah British di Tanah Melayu. Semangat perjuangan Indonesia merdeka amat kuat mempengaruhi tindakan mereka yang berketurunan Indonesia, kerana perasaan benci dan tuntutan balas dendam serta berhasrat menghalau kuasa penjajah Barat. Ini turut diakui oleh Abdul Majid Salleh, yang pernah merengkok dalam penjara dan kem tahanan politik British dari tahun 1948 hingga 1955 (Abdul Majid Salleh, 24 Ogos 2002). Ibrahim Chik bekas Ahli Jawatankuasa Pusat PKM dan pernah bergiat cergas dalam PKMM cawangan Temerloh turut membuat dakwaan yang sama. Tegas beliau:

Manakala jiwa merdeka di kalangan orang-orang keturunan Indonesia juga bertambah dan berkembang dan ini senang sekali menular di kalangan orang Melayu.

(Ibrahim Chik, 2004: 21)

Justeru itu, PKMM mempunyai pengikut yang ramai terdiri daripada keturunan Indonesia. PKMM turut menetapkan dasar perjuangan yang berkait rapat dengan Indonesia. Melalui konsep '*Melayu Raya*', melalui slogan '*Merdeka*' dan juga melalui bendera parti PKMM yang berwarna '*Merah Putih*', sudah cukup membuktikan bahawa perjuangan mereka amat selesa dengan unsur perjuangan kemerdekaan Indonesia (UMNO/SG.No.96/1946). Lantaran itu, ia lebih berkesan dan meninggalkan impak yang mendalam kepada pejuang politik radikal Melayu di Tanah Melayu yang berketurunan Indonesia. Pengaruh keturunan ini amat kuat dalam kalangan tokoh politik radikal Melayu berketurunan Tanah Seberang seperti Ahmad Boestamam, Cikgu Mohd. Yusof Ayob, Cikgu Ayus Nordin, Rashid Karim, Musa Ahmad dan Rashid Maidin (Nabir Hj Abdullah, 1976: 1). Mereka ini menyanjung tinggi tokoh-tokoh pejuang kemerdekaan Indonesia, sebagai contohnya Ahmad Boestamam menyanjung tinggi kebolehan dan kepimpinan Sukarno serta kejayaan beliau memerdekakan Indonesia daripada penjajah Belanda (Ahmad Boestamam, 1983: 67).

## Kerjasama Politik Pelbagai Kaum

Kerjasama politik pelbagai kaum dipelopori oleh golongan politik radikal Melayu. Gabungan PUTERA-AMCJA membuktikan kematangan berpolitik golongan ini. Gabungan PUTERA terdiri dari PKMM, API, AWAS, KRIS, dan PETA. Memandangkan waktu itu pergerakan politik Cina turut menentang penjajah British maka PUTERA memikirkan perlunya mewujudkan kerjasama politik antara mereka. *All-Malayan Council of Joint Action (AMCJA)* merupakan gabungan pergerakan Cina berhaluan kiri (Mohd. Isa Othman, 2002: 310-313). Kerjasama PUTERA-AMCJA berjaya menyedarkan pihak penjajah, bahawa rakyat pelbagai kaum boleh bersatu demi untuk terus maju ke hadapan. (CO537/2140/136697) Gagasan *Malayan Union* dan Persekutuan Tanah Melayu yang dianjurkan oleh penjajah British ditentang oleh PUTERA-AMCJA. Lantaran itu mereka melahirkan sebuah perlembagaan yang diberi nama *Perlembagaan Rakyat* pada tahun 1947 dengan sepuluh (10) prinsip iaitu:

1. Singapura hendaklah disatukan dengan Malaya.
2. Satu kerajaan pusat dan majlis-majlis negeri yang dipilih.
3. Raja-Raja Melayu akan mempunyai kuasa yang sebenar, bertanggungjawab kepada rakyat melalui Majlis Mesyuarat .
4. Satu perlembagaan baru bagi Malaya, menyediakan keistimewaan tertentu bagi kemajuan orang Melayu dari segi politik dan ekonomi.
5. Adat istiadat Melayu dan agama Islam dikawal sepenuhnya oleh orang Melayu melalui Majlis Khas.
6. Kerakyatan yang serata bagi semua orang yang menganggap Tanah Melayu sebagai tempat tinggal tetap dan sanggup mencurahkan kesetiiaannya tanpa berbelah bagi.
7. Bahasa Melayu haruslah menjadi bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang tunggal bagi Malaya.
8. Pertahanan dan hal ehwal luar negeri haruslah menjadi tanggungjawab bersama kerajaan Malaya dan kerajaan British.
9. Kerakyatan Malaya haruslah dinamakan Melayu.
10. Merah putih haruslah dimasukkan sebagai latar belakang bendera kebangsaan Malaya. (Draf Perlembagaan Rakyat, 1947)

Perlembagaan Rakyat ini diajukan kepada penjajah British melalui jawatankuasa perundingan yang ditubuhkan oleh British. Jawatankuasa ini berfungsi bagi menerima cadangan dari orang perseorangan atau badan bebas untuk membentuk sebuah perlembagaan bagi menggantikan *Malayan Union*. Jika diteliti cadangan yang terkandung di dalam perlembagaan tersebut ia mempunyai idea yang bernas. Jika difahami Perkara 10 perlembagaan tersebut jelas menyatakan warna merah putih sebagai latar belakang bendera Malaya menunjukkan mereka masih berpegang dengan prinsip *Melayu Raya*. Walaupun Perlembagaan Rakyat mengandungi idea yang baik untuk semua lapisan masyarakat tetapi oleh kerana kepentingan pihak penjajah British dan golongan elit Melayu, Perlembagaan Rakyat ini ditolak. Sebaliknya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu yang dikemukakan oleh pemerintah British dengan Raja-Raja Melayu diterima pakai. Dengan ini pada tarikh 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu terbentuk secara rasmi (*Cermin Malaya*, Feb.1948: 1-4).

Tidak kurang juga kritikan dilontarkan kepada PKMM, dikritik hebat oleh mereka yang tidak bersetuju dengan matlamat perjuangan mereka. Kehadiran mereka waktu itu bukan sahaja ditohmah bangsa sendiri tetapi turut dipandang sinis oleh sarjana tempatan dewasa ini. Sebagai contoh, Ramlah Adam menegaskan:

Ternyata, tidak ada usaha untuk melawan atau menolak pengaruh itu. Ini bermakna, golongan radikal walaupun mendabik dada melaungkan sikap menentang penjajah dalam tulisan-tulisan mereka ataupun dalam temu ramah dengan pelajar dan pengkaji sejarah, tetapi pada hakikatnya, mereka menerima penjajahan demi penjajahan tanpa benar-benar menentanginya.

(Ramlah, 2004: 80)

Satu perkara yang menarik melalui pandangan beliau ialah secara sedar ataupun tanpa sedar beliau menyanggah tulisan terdahulu yang pernah beliau utarakan. Dalam artikel, “Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu Penentangan Kepada Kehilangan Kuasa Politik Melayu di dalam Kemerdekaan 1957”, beliau menegaskan bahawa golongan radikal bertindak berani mengkritik cadangan Perikatan dan Suruhanjaya Lord Reid berkaitan persoalan *Jus soli* iaitu dengan pemberian hak kerakyatan Tanah Melayu kepada bangsa asing oleh British (Ramlah, 1997: 284). Ini merupakan bukti penglabelan radikal kepada golongan yang menentang penjajah sebelum dan selepas merdeka. Mereka sering diberikan penilaian secara tidak adil walaupun setelah kemerdekaan tercapai.

Bagi A. J. Stockwell pula, golongan berhaluan kiri berusaha bersungguh-sungguh dalam perjuangan kemerdekaan Tanah Melayu, buktinya melalui cadangan *Perlembagaan Rakyat* anjuran PUTERA-AMCJA. Beliau menegaskan bahawa langkah mencadangkan perlembagaan tersebut merupakan usaha awal untuk berkerajaan sendiri (Stockwell, 1979: 93). Manakala bagi Ho Hui Ling pula mengatakan bahawa golongan radikal Melayu khususnya melalui kerjasama AMCJA-PUTERA membuka ruang kepada pihak PKM untuk mempengaruhi pertubuhan tersebut dengan ideologi komunis. Malah beliau mendakwa penggerak utama kerjasama politik tersebut adalah PKM. Tegas beliau:

PKM menjadi tenaga penggerak utama dalam gabungan All Malayan Council of Joint Action-Pusat Tenaga Rakyat (AMCJA-PUTERA) dengan harapan gabungan ini akan bekerjasama dan berganding bahu dengannya demi mencapai matlamat perjuangan politik PKM.

(Ho Hui Ling, 2004: 12)

Namun Rustam A. Sani, menegaskan perjuangan untuk merealisasikan gagasan *Melayu Raya* yang dianjurkan oleh Kesatuan Melayu Muda merupakan satu usaha membentuk sebuah negara bangsa yang bergelar Melayu. Usaha untuk mencapai kemerdekaan melalui konsep ini selepas Perang Dunia Kedua diteruskan oleh PKMM yang kemudiannya membentuk kerjasama politik golongan radikal Melayu dengan bukan Melayu. Beliau menegaskan:

Hal ini dijelmakan, misalnya dalam penyertaan PKMM dan badan-badan nasionalis Melayu yang seialiran dengannya dalam PUTERA-AMCJA yang mencadangkan ‘Perlembagaan Rakyat’ sebagai asas untuk mencapai kemerdekaan.

(Rustam A. Sani, 1983: 11)

Penjelasan ini bukan sahaja menyangkal dakwaan Ramlah Adam bahawa golongan berhaluan kiri tidak berusaha untuk memerdekakan Tanah Melayu. Malah bukti ini turut menolak dakwaan Ho Hui Ling bahawa seolah-olah golongan radikal Melayu tidak berpendirian atau mudah dipengaruhi oleh PKM.

Pandangan Stockwell dan Rustam A. Sani itu turut disokong oleh Nik Anuar Nik Mahmud, beliau berpendapat perjuangan menuntut kemerdekaan lebih terserlah melalui golongan berhaluan kiri dan berjaya menggugat kedudukan British. Lantaran itu Akta Darurat 1948 diperkenalkan bagi menyekat kebangkitan golongan berhaluan kiri Melayu. Beliau menambah lagi bahawa tuduhan dan tohmahan British seperti gelaran komunis dan radikal bertujuan untuk mengaburi masyarakat Melayu umum agar tidak menyokong perjuangan yang disuarakan oleh golongan berhaluan kiri. (Nik Anuar Nik Mahmud, 25 Januari 2003)

British berusaha melemparkan pelbagai tuduhan buruk terhadap perjuangan yang diasaskan oleh golongan ini. Malah ia turut ditolak sebahagian orang Melayu. Dengan bersandarkan tuduhan mereka itu komunis dan radikal, pergerakan PKMM dilabelkan amat berbahaya. Akan tetapi mereka lupa bahawa para pemimpin PKMM berusaha dan berjaya membersihkan pengaruh komunis dalam parti mereka agar menjadi lebih bersih dan tulen. Kenyataan ini turut diakui oleh sarjana barat, Stockwell (1979: 141). Walaupun pada awal penubuhannya diresapi oleh fahaman komunis tetapi usaha pembersihan dari fahaman tersebut dilakukan oleh Dr. Burhanuddin Al Helmy setelah mengambil alih jawatan Ketua Umum I daripada Mokhtarudin Laso pada tahun 1947 iaitu setelah kembali daripada menghadiri Persidangan *Inter Asian Relations* di New Delhi, India.



Menyingkap objektif penubuhan PKMM, didapati bahawa perjuangan mereka ini sememangnya berasaskan fahaman kebangsaan. Namun fahaman kebangsaan Melayu mereka ini lebih terfokus kepada konsep Melayu Raya. Berikut adalah antara objektif PKMM:

Mempersatukan bangsa Melayu, menanamkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu dan bertujuan untuk menyatukan Malaya dalam keluarga besar iaitu Republik Indonesia Raya.

(UMNO/SG. No. 89/1946)

Frasa Republik Indonesia Raya turut membuktikan bahawa mereka berpegang teguh dengan konsep perjuangan *Melayu Raya*. Tunggak perjuangan orang Melayu berketurunan Indonesia. Apabila Mokhtarudin Lasso menghilangkan diri, dipercayai pulang ke Indonesia untuk bersama-sama dengan pejuang kemerdekaan Indonesia bagi mengangkat senjata menentang penjajah Belanda, kepimpinan PKMM diambil alih oleh Dr. Burhanuddin Al Helmy. Beliau berusaha keras untuk membersihkan PKMM daripada pengaruh komunis dan meletakkan kembali PKMM ke landasan perjuangan yang lebih realistik dengan bangsa Melayu. Lantaran itu, perjuangan berasaskan kebangsaan Melayu dijadikan pegangan dan fokus perjuangan. Usaha yang serius beliau lakukan sekembalinya dari menghadiri konvensyen (*Inter Asian Relations Conference*) di New Delhi, India pada tahun 1947 untuk menghapuskan pengaruh fahaman komunis dalam PKMM. Beliau melakukan tindakan drastik untuk membersihkan PKMM daripada pengaruh komunis demi mengembalikan keyakinan bangsa Melayu terhadap perjuangan asal PKMM untuk membela bangsa Melayu dan memerdekakan Tanah Melayu. Bagi memperkasakan bangsa Melayu, konsep *Melayu Raya* mestilah dihidupkan kembali. Dr. Burhanuddin menyarankan agar Tunku memasukkan Filipina dan Indonesia dalam gagasan Malaysia dan Tunku hendaklah terlebih dahulu membincangkannya dengan pemimpin Indonesia dan Filipina. Cadangan ini dilihat sebagai memenuhi konsep *Malay Arcipelago* yang diterima umum, termasuk dalam *Encyclopedia Britannica*, edisi 1957. (Burhanuddin al Helmy, 1956: 71-72). Beliau melihat idea *Melayu Raya* akan memenuhi konsep '*conquer of space and conquer of time*', kerana dunia yang semakin kecil dan rapat dengan perhubungan yang semakin baik, membolehkan sebuah penyatuan yang wajar. Ini merupakan bukti jelas bahawa Dr. Burhanuddin dan rakan seperjuangan tetap setia kepada perjuangan berkonsepkan *Melayu Raya* yang dilaung-laungkan oleh mereka dalam PKMM dan PUTERA dahulu. Dato Onn Jaafar ketika memimpin UMNO tidak merestui perjuangan berkonsepkan Melayu Raya. Namun pada zaman merdeka dan setelah bergelar seorang pembangkang, beliau mengubah pendiriannya dengan memperakui dan berkeyakinan bahawa bangsa Melayu harus bersatu dalam sebuah rumpun bangsa besar bergelar Melayu Raya.

## RUMUSAN

Melayu Raya merupakan sebuah perjuangan murni bangsa Melayu serumpun dalam usaha untuk menyatukan kembali Kepulauan Melayu kepada sebuah entiti sebenar sebagaimana sebelum era penjajahan. Perjuangan ini dilakukan dengan menggunakan jalur politik dan kerjasama politik merentasi sempadan. Kepimpinan politik Melayu di Tanah Melayu dan juga Indonesia berusaha untuk merealisasikan gagasan Melayu Raya. Walaupun usaha ini menemui jalan buntu tetapi usaha murni mereka ini sudah menjadi catatan sejarah bahawa ada usaha yang pernah dilakukan oleh bangsa Melayu serumpun untuk kembali bersatu. Namun impak penjajahan menghalang matlamat besar ini. Terpisah dengan sempadan yang terasing tidak menghalang usaha murni generasi terkemudian untuk terus berusaha bagi menjalinkan kembali budaya serumpun bangsa Melayu agar terus dihargai dan hayati.

## RUJUKAN

- Abdul Majid Salleh. (1991). *Untukmu anak merdeka*. Ipoh: Penerbitan Abdul Majid Salleh.  
Abdullah CD. (1998). *Perang anti-British dan perdamaian*. Hong Kong: Nan Dao Publisher.  
Abu Samah Mohd. Kassim. (1996). *Sejarah dan perjuangan kemerdekaan*. Hong Kong: Nan Dao Publication.  
Ahmad Boestamam. (1972). *Dr Burhanuddin Al Helmy: Putera setia Melayu Raya*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.  
Ahmad Boestamam. (1972). *Merintis jalan ke punchak*. Kuala Lumpur: Pustaka Kejora.

- Ahmad Boestamam. (1983). *Lambaian dari punchak: Memoir 1941-1945*. Kuala Lumpur: Penerbitan Mahakarya.
- A. J. Stockwell. (1979). "British policy and Malay politics during the Malayan Union Experiment 1942-1948," *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society Monograph No. 8 (MBRAS)*. Kuala Lumpur.
- Bachtiar Djamil. (1994). *Riwayat hidup dan perjuangan Syeikh Tahir Jalaluddin Al Falaqi Al Azhari*. Kuala Lumpur: Asmah Publisher.
- Burhanuddin Al Helmy. (1946). *Perjuangan kita*. Singapore: Parti Kebangsaan Melayu Malaya.
- Burhanuddin Al Helmy. (1954). *Falsafah Kebangsaan Melayu, tak kan Melayu hilang di dunia*. Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung.
- Burhanuddin Al Helmy. (1946). "Perjuangan kita", dlm. Kamaruddin Jaafar, 2000. Dr. *Burhanuddin Al Helmy: Pemikiran dan perjuangan*. Kuala Lumpur: IKDAS.
- Burhanuddin Al Helmy. (1956). *Falsafah Kebangsaan Melayu, tak kan Melayu hilang di dunia*. Bukit Mertajam: Pustaka Semenanjung.
- Buyong Adil. (1985). *Perjuangan orang Melayu menentang penjajah abad 15-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cermin Malaya*, Februari 1948.
- Cheah Boon Kheng. (1982). *Komrad bertopeng*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cheah Boon Kheng. (1983). *Red star over Malaya, resistance and social conflict during and after the Japanese occupation of Malaya, 1941-1946*. Singapore: Singapore University Press and National University of Singapore.
- CO537/1582/136697 *Secret HQ Malaya Command, Weekly Intelligence Review No. 34. General Review of The Internal Situation in Malaya*.
- CO537/2140/136697 *Secret HQ Malaya Command, Fortnightly Intelligence Review No. 61*.
- CO537/2140/136697 *Secret HQ Malaya Command, Fortnightly Intelligence Review No. 61. Malay Affairs*.
- CO537/3751/136798 *Malay Nationalist Party*.
- CO537/3751/136798 – *Secret Malayan Security Service Political Intelligence Journal*, Serial No. 4/1948 Singapore, 29<sup>th</sup> February 1948.
- CO537/3751/136798. (1947). *Exposition to the Amended Draft of the New Constitution for Malayan Drawn Up by Representatives of the PUTERA and the AMCJA*. Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Hambali Abdul Latif. (1995). *Putera Mahkota UMNO*. Kuala Lumpur: Penerbitan Satria.
- Ho Hui Ling. (2004). *Darurat, 1948-1960, Keadaan sosial di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ibrahim Chik. (2004). *Memoir Ibrahim Chik: Dari API ke Rejimen Ke-10*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Haji Muhammad. (1997). *Memoir Pak Sako Putera Gunung Tahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ishak Saat. (2011). *Radikalisme Melayu Perak, 1945-1970*. Penang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohd. Isa Othman. (2002). *Sejarah Malaysia (1800-1963)*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Muhammad Abu Bakar. (1994). *Potret masa, persaingan ideologi dan pemulihan tradisi*, Jilid 1. Petaling Jaya: Gateway Publications House.
- N. J. Funston. (1980). *Malay politics in Malaysia*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books.
- Nazaruddin Haji Mohd. Jali, Ma'rof Redzuan & et. al,. (2001). *Pengajian Malaysia kenegaraan dan kewarganegaraan*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Noriah Mohamed, "Pengenalan Tambahan" dlm. Kassim Ahmad. (1997). *Hikayat Hang Tuah*. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Parliamentary Debates*. (1963). Dewan Ra'ayat (House of Representatives). Official report. volume V. No. 9. Kuala Lumpur: Parlimen Malaysia.
- Ramlah Adam. "Kongres Kebangsaan Melayu: Suatu penentangan kepada kehilangan kuasa politik Melayu di dalam Kemerdekaan 1957", dlm. Norazit Selat. (1997). *Ekonomi dan Politik Melayu*. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Ramlah Adam. (1998). *Kemelut politik Semenanjung Tanah Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ramlah Adam. (2004). *Gerakan radikalisme di Malaysia (1938-1965)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rustam A. Sani, "Robohan nasionalisme Melayu: Asas sosial bagi terbentuknya ideologi perpaduan nasional", dlm. *Ilmu Masyarakat*, Okt.-Dis. 1983.
- Temu ramah Abdul Majid Salleh di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi pada 23 Ogos 2002.
- Temu ramah dengan Ibrahim Singgeh di Kampung Banir, Tapah, Perak pada 31 Disember 2002.
- Temu ramah Profesor Dr. Nik Anuar bin Nik Mahmud, Ketua Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, FSSK, di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, pada 25 Januari 2003.
- UMNO/SG No. 89/46 - *Rang Undang-undang 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya*
- UMNO/SG No. 96/1946 - *Rang Undang-undang 1946, Parti Kebangsaan Melayu Malaya* .
- Zulkifli Mahmud. (1979). *Warta Malaya, penyambung lidah bangsa Melayu 1930-1941*. Bangi: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.